

BSN Sasar Pertumbuhan Bersih RM1 Bilion Dalam Skim SSP
Bernamea
28 Januari, 2012

PULAU PINANG, 28 Jan (Bernama) -- Bank Simpanan Nasional (BSN) menjangkakan pertumbuhan bersih RM1 bilion untuk skim Sijil Simpanan Premium (SSP)nya dalam tahun 2012, terutamanya dengan pelancaran Edisi Khas SSP.

"Selepas kami melancarkan Edisi Khas SSP pada bulan Oktober tahun lepas, kami mendapat sambutan menggalakkan dari orang ramai," kata Naib Presiden Kanan (Ketua Kewangan) BSN, Frederick Siew.

Beliau berkata sebelum Edisi Khas SSP diperkenalkan, bank telah mencapai RM1.4 bilion dalam skim SSP.

Setakat ini, ia telah berkembang kepada RM1.6 bilion daripada 1.5 juta penyimpan yang terdiri daripada 70 peratus Bumiputera, 20 peratus Cina, lapan peratus India dan selebihnya lain-lain kaum, kata beliau kepada pemberita pada majlis cabutan BSN SSP bulan Januari di sini.

Turut hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif BSN Datuk Adinan Maning.

Sementara itu, Naib Presiden BSN (Perbankan Islam) Ahmad Noh Jeni berkata skim Edisi Khas SSP ini dilaksanakan di bawah prinsip Al-Mudharabah dan objektif utama ialah meningkatkan kadar pertumbuhan jualan SSP dan daya saingnya di pasaran.

Beliau berkata dengan produk baharu itu, penyimpan yang membeli sijil bernilai RM1,000 setiap satu akan menerima dividen indikatif dua peratus dan 2.3 peratus untuk sijil bernilai RM3,000.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=642714>